

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ampang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan beberapa buah negara iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina dan China.

3. Seperti yang telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, pendirian Malaysia berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten.

Pertama : Penyelesaian secara aman melibatkan negara-negara yang membuat tuntutan, atau dengan izin, *claimant states*;

Kedua : Penyelesaian berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*; dan

Ketiga : Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin, *International Court of Justice*, Tribunal Timbang Tara, atau dengan izin, *Arbitral Tribunal* dan sebagainya adalah merupakan pilihan terakhir di dalam mencari penyelesaian.

4. Bagi memastikan kepentingan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara, langkah-langkah yang sewajarnya sentiasa diambil termasuklah mengadakan rondaan dan pengawasan serta aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

Tuan Yang di – Pertua,

5. Tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan beberapa buah negara merupakan suatu isu yang kompleks dan akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai penyelesaian.

6. Sehubungan itu, bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dapat dipelihara, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

7. Melalui *DOC*, pihak–pihak yang mempunyai tuntutan bertindih di Laut China Selatan bertekad untuk melaksanakan usaha–usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan.

Tuan Yang di – Pertua,

8. Secara umumnya, bolehlah dikatakan bahawa *DOC* telah berjaya mengekalkan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan.

9. Walau bagaimanapun, negara–negara ASEAN dan China mesti sentiasa berpegang kepada prinsip dan semangat *DOC* serta terus mengekalkan momentum positif di dalam melaksanakan usaha–usaha yang sewajarnya bagi memasti dan mengekalkan keamanan di Laut China Selatan termasuklah merealisasikan pengwujudan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.

Sekian, terima kasih.